

14/03/1997

Ahli Umno perlu pupuk kesetiaan

LABUAN, Khamis - Ahli dan penyokong Umno diminta memupuk kesetiaan terhadap parti sebagai asas penting memantapkan perjuangan serta perpaduan dalam Umno, khususnya di peringkat akar umbi.

Sikap itu perlu ada pada setiap pemimpin, ahli dan penyokong parti berkenaan sama ada pada peringkat cawangan dan bahagian bagi mengelak perpecahan yang hanya menguntungkan pembangkang.

Ketua Umno Bahagian Labuan, Abdul Mulok Awang Damit, berkata ahli Umno harus sedar perjuangan mereka membela nasib bangsa Melayu dan Bumiputera lain belum selesai walaupun negara sudah merdeka.

"Masih banyak perkara yang memerlukan perhatian ahli Umno yang mahukan pembangunan fizikal serta kemanusiaan selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah itu.

(END)